

Sikap dwi standard syarikat swasta milik kaum Cina

Hak graduan Melayu dinafikan

Oleh **DHIYA'ZULHILMI DAUD**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 5 Jun - Sikap dwi standard syarikat swasta milik kaum Cina yang lebih memberi peluang pekerjaan kepada graduan Cina menafikan hak graduan Melayu yang mungkin lebih layak mendapatkan pekerjaan terbabit.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), **Ahmad Bukhari A. Rahim** berkata, tindakan itu juga memperlihatkan sikap diskriminasi dan perkauman menebal syarikat milik

kaum Cina tersebut.

"Saya percaya ramai graduan terutama dalam kalangan Melayu juga berkualiti tinggi malah kaya dengan kemahiran insaniah namun diketepikan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kajian yang dilakukan sekumpulan penyelidik sebuah universiti awam yang mengesahkan wujudnya diskriminasi terhadap graduan Melayu yang memohon pekerjaan di syarikat swasta yang majoritinya dimiliki kaum Cina dan asing.

Menurut kajian itu, faktor kaum lebih diutamakan berbanding kua-

Hasil penyelidikan sebuah universiti awam

Graduan Melayu didiskriminasi

Oleh **NIZAM YATIM** dan **AZRIAL HAKIMIE ANUAR**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 4 Jun - Satu kajian yang dilakukan sekumpulan penyelidik sebuah universiti awam mengesahkan wujud diskriminasi terhadap graduan Melayu yang memohon pekerjaan di syarikat swasta yang majoritinya dimiliki kaum Cina dan asing.

Daripada lebih 3,000 resume yang dihantar kepada syarikat terbabit, kaum Melayu hanya mempunyai 4.2 peratus peluang untuk dipanggil menghadiri temu duga.

PENYELIDIK

Kajian sekumpulan penyelidik itu mendapati bahawa syarikat swasta yang majoritinya dimiliki kaum Cina dan asing lebih cenderung memberi peluang kepada graduan Cina dan asing berbanding graduan Melayu.

Tai dan swasta (PTSA) tempatan yang menawarkan beasiswa dalam bidang kejuruteraan, perakaunan dan kewangan. Menurut kajian itu, graduan daripada IPTA yang ditawarkan dan diiktiraf oleh kerajaan (MAMPU, UPM, UTM, dan USM) lebih cenderung menerima beasiswa daripada graduan Melayu.

anda, Cina, Melayu, dan lain-lain tidak dapat menerima beasiswa.

KERATAN Utusan Malaysia, semalam.

liti pendidikan dengan graduan kaum Cina menjadi pilihan untuk dipanggil temu duga berbanding kaum Melayu yang merupakan penduduk teramai di negara ini.

Dalam pada itu, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), **Wan Nur Hidayat Wan Muhamad** berkata, kerajaan perlu lebih tegas menguatkuasakan undang-undang bagi memastikan setiap rakyat tanpa mengira kaum

diberi peluang sama rata untuk mendapatkan pekerjaan.

Katanya, ketika ini, penyisihan terhadap graduan Melayu terutama di syarikat milik kaum Cina dan asing begitu ketara meskipun graduan tersebut memiliki keputusan pendidikan setara serta merupakan lepasan universiti sama dengan graduan Cina.

"Kementerian Sumber Manusia juga perlu menyediakan undang-undang lebih tegas berbanding Akta Peluang Saksama yang terdapat ketika ini bagi memastikan perkara ini tidak berlarutan," katanya.